

SYARAT PENYERTAAN LOKA INTERNATIONAL FILM FESTIVAL 2025

i. Info Aktiviti

Loka Festival Filem Pendek merupakan sebuah program penganjuran pertandingan mereka cipta video pendek mengikut tema yang bakal ditetapkan. Pertandingan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu Kategori Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Kategori Terbuka.

ii. Syarat Pertandingan Bagi Kategori Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

- a. Yuran penyertaan adalah RM20
- b. Penyertaan terbuka kepada warganegara dan pelajar IPT dari SEMUA IPTA/IPTS/POLYCC di Malaysia yang masih aktif dalam tempoh pengajian.
- c. Pelajar bukan warganegara tidak dibenarkan untuk menyertai bagi kategori IPT sebaliknya perlu menyertai untuk kategori Terbuka.
- d. Peserta wajib menggunakan logo rasmi PolyCC yang disediakan.
- e. Konsep video pendek adalah bebas dan tema yang menjurus kepada promosi TVET PolyCC atau pelancongan negeri Perlis.
- f. Penggunaan Bahasa Melayu atau Inggeris adalah diberi keutamaan, akan tetapi sekiranya ada bahasa lain digunakan, sarikata (subtitle) dalam Bahasa Melayu/ Inggeris mesti disertakan.
- g. Hasil karya **TIDAK BOLEH** berunsur jenayah/ seksual/menyentuh isu-isu sensitif yang boleh mengganggu/menggugat keharmonian antara kaum, budaya, agama dan masyarakat Malaysia serta tidak mengelirukan penonton selari dengan perundangan Malaysia dan Lembaga Penapisan Filem (LPF).
- h. Bahan penyertaan mestilah terdiri daripada karya asal peserta serta diwajibkan menggunakan *footage* video rakaman sendiri.
- i. Setiap hasil karya juga mestilah tidak pernah memenangi mana-mana pertandingan video peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- j. Setiap penyertaan digalakkan menggunakan skor muzik asal. Jika menggunakan pakai *music track* yang sedia ada di pasaran/ hak milik orang lain, peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak yang berkenaan dan penganjur tidak akan bertanggung jawab atas sebarang tuntutan akibat pelanggaran hasil hak cipta.
- k. Penyertaan akan dibatalkan sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli atau dicitrak.
- l. Setiap karya yang dikemukakan untuk pertandingan boleh diguna pakai oleh penganjur untuk tujuan promosi dan berkaitan.
- m. Durasi pertandingan adalah minimum tiga (3) minit dan maksimum lima (5) minit untuk keseluruhan panjang video.
- n. Tarikh penyertaan adalah pada **1 Januari 2025** sehingga **31 Januari 2025**. Penyertaan yang dihantar selepas tarikh berkenaan dianggap terbatalkan.
- o. Penyertaan perlu dihantar dan dimuatnaik di pautan:-
<https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSdAxcujBeebVZ6tCzn2VACGcb7GJ-E1pYK9b13qFTvxFtrpOA/viewform>

iii. **Syarat Pertandingan Bagi Kategori Terbuka (Malaysia/Antarabangsa)**

- a. Yuran penyertaan adalah RM100 untuk warganegara.
- b. Yuran penyertaan adalah RM180 untuk bukan warganegara/antarabangsa/pelajar antarabangsa.
- c. Penyertaan terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara.
- d. Konsep filem pendek adalah bebas dan tema "Filem Kita, Dunia Kita".
- e. Penggunaan Bahasa Melayu atau Inggeris adalah diberi keutamaan, akan tetapi sekiranya ada bahasa lain digunakan, sarikata (subtitle) dalam Bahasa Melayu/ Inggeris mesti disertakan.
- f. Hasil karya **TIDAK BOLEH** berunsur jenayah/ seksual/menyentuh isu-isu sensitif yang boleh mengganggu/menggugat keharmonian antara kaum, budaya, agama dan masyarakat Malaysia serta tidak mengelirukan penonton selari dengan perundangan Malaysia dan Lembaga Penapisan Filem (LPF).
- g. Bahan penyertaan mestilah terdiri daripada karya asal peserta serta diwajibkan menggunakan *footage* video rakaman sendiri.
- h. Setiap hasil karya juga mestilah tidak pernah memenangi mana-mana pertandingan video peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- i. Setiap penyertaan digalakkan menggunakan skor muzik asal. Jika menggunakan pakai *music track* yang sedia ada di pasaran/ hak milik orang lain, peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak yang berkenaan dan penganjur tidak akan bertanggung jawab atas sebarang tuntutan akibat pelanggaran hasil hak cipta.
- j. Penyertaan akan dibatalkan sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli atau diciplak.
- k. Setiap karya yang dikemukakan untuk pertandingan boleh diguna pakai oleh penganjur untuk tujuan promosi dan berkaitan.
- l. Durasi pertandingan adalah minimum 10 minit dan maksimum 15 minit untuk keseluruhan panjang video.
- m. Tarikh penyertaan adalah pada **1 Januari 2025** sehingga **31 Januari 2025**. Penyertaan yang dihantar selepas tarikh berkenaan dianggap terbatal.
- n. Penyertaan perlu dihantar dan dimuatnaik di pautan:-

<https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSdAxcujBeebVZ6tCzn2VACGcb7GJ-E1pYK9b13qFTvxFtrpOA/viewform>

LOKA
INTERNATIONAL
SHORT FILM FESTIVAL

iv. Syarat Penyertaan

- a. Setiap individu boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan namun perlu didaftarkan secara berasingan.
- b. Setiap penyertaan perlu disertakan dengan bukti pembayaran.
- c. Peserta perlu membuat pembayaran secara **Electronic Fund Transfer (EFT)** seperti berikut:
 - **No. Akaun** : 8602656669
 - **Nama Bank** : CIMB
 - **Penama** : Akauntan Negara Malaysia-Perlis
 - **Rujukan 1** : Pengarah Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
 - **Rujukan 2** : PTSS bayaran LOKA IPT/ LOKA Terbuka/ LOKA Antarabangsa
- d. Bayaran yuran tidak akan dikembalikan sekiranya peserta menarik diri dari mana- mana kategori penyertaan.
- e. Bukti pembayaran hendaklah dimuat naik di pautan:-
<https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSdAxcujBeebVZ6tCzn2VACGcb7GJ-E1pYK9b13qFTvxFtrpOA/viewform>
- f. Semua penyertaan video perlu dimuat naik ke pautan Google Form yang disediakan oleh pihak penganjur. Pautan / *link* video akan dimasukkan dalam borang penyertaan yang telah disediakan.
- g. Pada ruangan deskripsi video anda diletakkan tajuk video, sinopsis ringkas, nama produksi, nama penuh ahli kumpulan, dan nama IPT (bagi Kategori pelajar IPT).
- h. Pihak penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya maklumat dan tanda pagar # yang tidak lengkap atau salah pada ruangan deskripsi tercicir daripada sesi penilaian.
- i. Borang pendaftaran pada pautan seperti berikut:-
<https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSdAxcujBeebVZ6tCzn2VACGcb7GJ-E1pYK9b13qFTvxFtrpOA/viewform>

v. Keputusan Pertandingan

- a. Semua keputusan juri dan urusetia adalah muktamad dan tiada sebarang rayuan dibenarkan.
- b. Keputusan pertandingan ini akan diumumkan melalui laman sosial rasmi Instagram@Dihubungi.
- c. Keputusan pemenang akan diumumkan secara langsung semasa Hari Karnival TVET POLYCC 2025 pada 15 Februari di Mahsuri International Exhibition Centre (MIEC) Langkawi.

vi. Hak Milik:

- a. Pihak penganjur berhak menggunakan video yang dihantar sebagai bahan promosi dalam apa jua bentuk media.
- b. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap apa jua bentuk tuntutan berkaitan dengan produksi terhadap peserta oleh mana-mana pihak yang berkenaan.
- c. Video yang menyertai pertandingan ini masih menjadi hak milik bersama penggiat video kecuali bagi video yang memenangi pertandingan ini. Pihak penganjur berhak mengguna pakai atau membuat sebarang perubahan mengikut kesesuaian dan keperluan terhadap video yang menyertai pertandingan ini.

- d. Video yang memenangi pertandingan akan menjadi hak milik PolyCC sepenuhnya dan tidak boleh diguna pakai untuk sebarang aktiviti komersial dan lain-lain pertandingan.
- e. Dengan penyertaan yang dihantar para peserta bersetuju dengan syarat-syarat yang ditetapkan dan tidak boleh membuat sebarang tuntutan kepada pihak penganjur.

vii. SPESIFIKASI VIDEO

- a. Durasi masa video termasuk intro dan kredit.
 - Kategori Pelajar IPT (Minimum 3 minit – Maksimum 5 minit)
 - Kategori Terbuka (Minimum 10 minit – Maksimum 15 minit)
- b. Format yang dibenarkan adalah **MOV, MPEG4, MP4, AVI atau MPEG-PS.**
- c. Resolusi minimum 1080p (1920 × 1080) dan ke atas manakala *aspect ratio* video adalah 16:9 sahaja.
- d. Peserta dibenarkan menghasilkan video kreatif dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
- e. Bahan video yang dihasilkan perlu mempunyai kualiti gambar dan audio yang baik serta jelas.
- f. Penggunaan KESAN KHAS dibenarkan mengikut kreativiti kumpulan masing-masing.

viii. Hadiah

- a. Kategori IPT
 - i. **PERTAMA** : RM 2,000.00 + Sijil Anugerah
 - ii. **KEDUA** : RM 1,000.00 + Sijil Anugerah
 - iii. **KETIGA** : RM 700.00 + Sijil Anugerah
 - iv. **SAGUHATI** : RM 300 x 2 + Sijil Anugerah
- b. Kategori Terbuka
 - i. **PERTAMA** : RM 3,000.00 + Sijil Anugerah
 - ii. **KEDUA** : RM 2,000.00 + Sijil Anugerah
 - iii. **KETIGA** : RM 1000.00 + Sijil Anugerah
 - iv. **SAGUHATI** : RM 500 x 2 + Sijil Anugerah
- c. Untuk anugerah, setiap produksi atau pemenang akan menerima **SATU** salinan **sijil cetak** dan **E-Cert sijil penyertaan** untuk setiap ahli kumpulan.
- d. Setiap produksi atau individu yang menyertai pertandingan akan diberikan **Salinan E-Cert sijil penyertaan**.

ix. Pertanyaan

- **Hubungi:** Ros Syafiqah 0174166533/Nor Azlina binti Md Nor 0194707930/Amiruddin 0174176403
- **Email:** lokafilmfestival@polycc.edu.my

LOKA
INTERNATIONAL
SHORT FILM FESTIVAL